

22 AUG 2002

Chua-Bantuan/I

KERAJAAN LULUS RM40 JUTA GERAN KEPADA MAJLIS AIDS MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Kerajaan yang berusaha keras untuk memerangi gejala HIV/AIDS di negara ini, meluluskan bantuan RM40 juta kepada Majlis AIDS Malaysia (MAM) untuk dibelanjakan sepanjang tempoh 10 tahun akan datang bagi menangani penyakit membunuh itu, kata Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng hari ini.

Beliau berkata kerajaan berharap geran RM4 juta setahun itu yang akan diserahkan kepada MAM mulai tahun ini, digunakan untuk melaksanakan kempen-kempen pendidikan mengenai kesedaran pencegahan HIV/AIDS.

"Kabinet baru-baru ini memutuskan untuk meluluskan geran itu kepada Majlis AIDS Malaysia memandangkan MAM dan gabungannya lebih terserlah dalam menjalankan kempen-kempen pendidikan pencegahan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan dialog pra belanjawan antara Kementerian Kesihatan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di sini hari ini.

Sejumlah 6,000 kes baru HIV/AIDS dicatatkan tahun lepas, menjadikan bilangan pesakit itu di Malaysia berjumlah 44,000.

"Kita mempunyai sumber untuk memerangi HIV/AIDS dan kita mengetahui kumpulan berisiko tinggi yang terdiri daripada penagih dadah, tetapi kecuali usaha ditingkatkan untuk menanganinya, kita tidak boleh menyekat penyebaran penyakit itu," katanya.

Presiden Majlis AIDS Malaysia Datin Paduka Marina Mahathir yang ditemui pemberita kemudian berkata geran itu sangat diperlukan oleh majlis berkenaan.

"Kami perlukan wang itu untuk melatih NGO memerangi HIV/AIDS. Syukur, cadangan kami diterima oleh kementerian dan Kabinet," katanya.

Marina berkata geran itu akan digunakan untuk menjalankan pelbagai kempen kesedaran anjuran NGO bagi menangani penyebaran virus terbit.

Sementara itu, dalam ucapannya Chua berkata kementerian itu berharap semua NGO berusaha untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan masing-masing melalui pelbagai kaedah seperti kutipan amal.

"Keupayaan Kementerian Kesihatan dan kerajaan untuk memberi bantuan kewangan kepada NGO adalah terhad, dan anda (NGO) tidak haruslah terlalu bergantung kepada kerajaan untuk bantuan sedemikian," katanya.

Bagaimanapun, katanya kementerian menyedari bahawa ada kegiatan sesetengah NGO memerlukan tenaga manusia dan wang yang sukar dibiayai sepenuhnya menerusi sumbangan derma.

Oleh itu katanya kementerian memperuntukkan sejumlah wang setiap tahun kepada NGO yang tidak bermotif keuntungan dan aktif melaksanakan program yang bermanfaat kepada sebilangan besar kumpulan sasar kementerian.

Chua berkata pada 1999, RM1.24 juta disalurkan kepada NGO berbanding hampir RM2 juta pada 2000. Tahun lepas bantuan untuk NGO telah ditambah kepada RM8.4 juta.

"Tahun ini pula, Kementerian Kesihatan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM11 juta menerusi Anggaran Belanja Mengurus 2002 untuk bantuan kewangan kepada NGO," katanya.

Di samping itu, kerajaan juga telah meluluskan, geran-Ringggit-ke-Ringggit tahun ini untuk NGO yang terlibat dalam aktiviti pencegahan dan rawatan penyakit yang tidak dibiayai menerusi mana-mana bantuan, kata Chua.

Chua berkata program itu merupakan antara kaedah pemberian subsidi kerajaan kepada NGO untuk menampung perbelanjaan mereka. Kerajaan akan memberi subsidi RM1 kepada setiap RM1 yang dikutip oleh NGO tersebut.

Bantuan ini, katanya dihadkan kepada RM1 juta setiap badan bukan kerajaan setahun dan sesebuah NGO perlulah berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan dan perkhidmatan yang diberikan hendaklah tidak bercorak keuntungan.

"NGO berkenaan hendaklah juga mempunyai anggota teknikal yang terlatih, memilih pesakit tanpa diskriminasi dan memberi rawatan klinikal termasuk rawatan berjadual," kata Chua.

Katanya menerusi bantuan seperti ini, adalah diharapkan keupayaan NGO untuk memperluaskan liputan program mereka dapat diperkukuhkan untuk kebaikan dan kesihatan rakyat.

"Perlu ditegaskan, peruntukan yang diberi pada umumnya harus digunakan untuk memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan bukan untuk tujuan pengurusan, ubah suai bangunan dan pembayaran gaji dan elaun kakitangan," katanya.

Beliau juga berkata telah tiba masanya NGO mula mengembangkan sayap ke kawasan luar bandar supaya program yang dijayakan dapat menguntungkan semua pihak.

"Kita dapati bahawa kebanyakan NGO wujud di Lembah Kelang dan bandar-bandar utama sahaja dan kurang atau tidak wujud NGO dikawasan pendalaman." katanya.

-- BERNAMA

SR ZS LAT